

Ruj. Tuan :  
Tarikh : 28 Oktober 2024

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM)  
ARAS 1-8, KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN  
NO. 1, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2,  
62530 W.P. PUTRAJAYA  
U/P: En Muhammad Saifulfaiz Bin Razali

Tuan/Puan,

### **PEMBAYARAN CARUMAN SUKARELA UNTUK ANGGOTA JANM**

Mesyuarat di antara Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan KWSP pada 18 Oktober 2024 berhubung perkara di atas adalah dirujuk.

2. Berdasarkan maklum balas yang diperolehi ketika mesyuarat berlangsung, JANM memaklumkan bahawa sebahagian anggotanya memilih potongan gaji bulanan untuk pembayaran caruman sukarela KWSP. Semakan lanjut oleh KWSP mendapati bahawa:

- 2.1. Pembayaran caruman tersebut disalurkan kepada KWSP melalui akaun majikan (penghantaran borang A dan bayaran) dan hanya menyatakan jumlah bayaran syer pekerja sahaja; dan
- 2.2 Caruman tersebut dikreditkan ke akaun KWSP ahli (anggota) sebagai caruman wajib.

3 Untuk makluman, kaedah pembayaran caruman sukarela melalui akaun majikan adalah bertentangan dengan Seksyen 43 (1), Akta KWSP 1991. Selain itu, anggota terlibat akan hilang kelayakan untuk menikmati manfaat pelepasan cukai caruman sukarela KWSP seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

4 Oleh yang demikian, JANM dinasihatkan untuk tidak lagi mengemukakan pembayaran caruman sukarela melalui akaun majikan yang mana telah dimaklumkan ketika mesyuarat berlangsung.

/2..

5 Sebagai alternatif, anggota JANM disarankan untuk membuat caruman sukarela secara individu melalui i-Saraan, tertakluk kepada syarat kelayakan yang ditetapkan oleh KWSP. Berikut adalah faedah yang diperolehi melalui i-Saraan:

BIL	FAEDAH	KETERANGAN
1	Insentif Khas	Menerima insentif khas sebanyak 15% daripada jumlah caruman sehingga maksimum RM500 dalam tahun semasa*. <i>*Had insentif seumur hidup sebanyak RM5,000 atau mencapai umur 60 tahun yang mana lebih awal. Tertakluk kepada terma dan syarat kerajaan.</i>
2	Dividen Tahunan	Menikmati dividen tahunan atas simpanan persaraan.
3	Bantuan Kematian	Tertakluk kepada terma dan syarat KWSP.
4	Pelepasan Cukai	Tertakluk kepada terma dan syarat LHDN.

6 Tuan/puan boleh merujuk laman web rasmi KWSP di [www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my) untuk maklumat lanjut berkenaan i-Saraan.

7 KWSP juga mengalu-alukan kerjasama dengan JANM untuk penganjuran sesi taklimat kepada anggota JANM berhubung produk dan skim KWSP serta manfaatnya.

8 Kerjasama pihak tuan/puan berhubung perkara ini adalah amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**Mohd Jamil Hafiz Ibrahim**  
Ketua Seksyen  
Pengurusan Akaun Majikan  
Jabatan Pengurusan Caruman  
**KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA**